

09/07/2001

Modal asing bantu naikkan BSKL

Fred Tam

ANGKA tunjuk utama pasaran, Indeks Komposit di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) naik untuk empat sesi dagangan berturut-turut minggu lalu kesan kemasukan modal asing. Pada asas mingguan, Indeks Komposit naik 33.82 mata atau 5.7 peratus untuk ditutup pada 626.81 manakala Indeks Emas menokok 6.43 mata atau 4.5 peratus untuk mengakhiri minggu lalu pada 148.72 dalam dagangan yang cergas iaitu di atas tahap 370 juta saham bagi dua sesi dagangan.

Lantunan minggu lalu dibantu oleh laporan Persatuan Pengurusan Pembelian Amerika Syarikat yang mendedahkan bahawa jualan sektor pembuatan di negara itu pada Jun lalu naik ke tahap tingginya tahun ini menyebabkan banyak pihak membuat kesimpulan bahawa kelembapan ekonomi Amerika Syarikat sudah berakhir. Berita itu sesuatu yang positif kepada Malaysia kerana kuasa besar itu mewakili 20 peratus daripada eksport negara.

Kenaikan di pasaran juga disifatkan sebagai kukuh kerana berlaku penjualan dalam waran United Engineers berikutan kebimbangan bekas naib pengkerusinya, Tan Sri Halim Saad mungkin menjadikannya milik persendirian beliau. UEM-W menjunam 45 sen atau 46.3 peratus dalam masa yang dua minggu, daripada 97 sen kepada 52 sen minggu lalu. Sehingga ini, Halim belum memberikan sebarang kepastian berhubung spekulasi itu.

Sikap membisunya memperkukuh lagi tanggapan umum bahawa beliau akan menjadikan UEM milik persendirian. Jika benar, ia akan bermakna UEM-W tidak bernilai langsung dan itulah yang menyebabkan harganya jatuh teruk sejak dua minggu lalu.

Apa yang diharapkan pasaran kini ialah Halim tidak akan secara tiba-tiba membuat kenyataan bahawa beliau tidak akan menjadikan UEM syarikat milik persendirian beliau. Ini kerana, ia mungkin sudah terlewat. Jika beliau mengumumkan demikian, UEM-W akan kembali melantun dan menyebabkan pelabur tertanya-tanya siapakah yang membeli sehingga 40,000 lot waran berkenaan ketika harganya jatuh dulu?

Oleh itu, spekulasi mengenai masa depan UEM mungkin akan menjadi penentu prestasi pasaran minggu ini sementara pelabur menunggu tarikh 14 Julai ini di mana Halim perlu membayar RM100 juta lagi komitmennya berhubung opsyen belian saham UEM. Jika tidak pun, pasaran mungkin akan mengabaikan isu itu dan hanya menjauhi diri daripada UEM sementara Indeks Komposit terus naik.

Sehingga ini, isu berkenaan nampaknya tidak penting kepada pelabur. Mereka minggu lalu lebih memilih untuk membeli berikutan laporan kononnya dana asing membuat pegangan terhadap kaunter mewah seperti Tenaga, Telekom dan Maybank. Pada asas mingguan, Tenaga naik RM1.00 atau 11.4 peratus kepada RM9.75, Telekom menambah 85 sen atau 9.6 peratus kepada RM9.65 manakala Maybank kukuh 90 sen atau 8.7 peratus menjadi RM11.20. Saham perladangan membantu kenaikan dengan lonjakan harga kaunter kelapa sawit seperti Sime Darby, yang menokok 42 sen atau 10.6 peratus kepada RM4.38 manakala IOI naik 39 sen atau 14.7 peratus menjadi RM3.04.

Secara teknikalnya, jumlah dagangan minggu lalu adalah luar biasa besarnya. Disertai dengan nada pengukuhan yang melanda pasaran, ia melebihi catatan 607.02 (14 Jun) dan ketinggian 620.48 (3 Mei) yang membayangkan pasaran sudah bersedia untuk melambung. Buat pertama kalinya sejak 28 April tahun lalu, Sistem Dagangan PI kami dengan sendirinya memberi isyarat beli - selepas 15 bulan pasaran berada dalam aliran menurun. Indeks Komposit juga berjaya melewati tahap rintangan 620.48 mata dan jika ia boleh naik lagi sehingga akhir bulan ini, BSKL mungkin

bersedia untuk ledakan.

Pemerhatian terhadap carta aliran modal menunjukkan bahawa tiga bursa terbaik di Asia minggu lalu ialah Thailand, Indonesia dan Malaysia dengan Korea menduduki tempat keempat.

Bagaimanapun sesuatu yang lain ditunjukkannya ialah hanya BSKL yang mantap, bermakna dana masih terus mengalir ke arah kaunter berkaitan indeks. Pasaran secara amnya, seperti yang ditunjukkan oleh Indeks Emas masih belum kukuh. Ini menggambarkan suasana seolah-olah pada September 1998 dan Januari 1999. Sepanjang tempoh itu, pasaran naik walaupun di sebalik kekecohan politik berikutan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tidak dinafikan, pelabur kecil-kecilan tidak mendapat manfaat besar daripada kenaikan itu. Jadi, apa yang terlihat di BSKL ini mempunyai persamaan dengan kenaikan berkenaan. Minggu lalu, walaupun Indeks Komposit naik 33.82 mata kepada 626.81, terlalu sedikit pelabur runcit membeli. Malah, ada sesetengahnya yang membeli sebelum ini, menjual pula. Secara psikologinya, masih ramai pelabur runcit kurang yakin dan ia mungkin mengakibatkan minggu ini hanya saham mewah terus meningkat manakala saham murah akan ketinggalan.

Rabu lalu, kebanyakan akhbar melaporkan mengenai lebih 10,000 usahawan kecil Bumiputera yang kini dihipit masalah hutang tidak berbayar (NPL) boleh mendapat bantuan kewangan daripada tabung khas dikenali Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan (TPPU) yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Daripada sejumlah RM500 juta peruntukan, RM120 juta akan disalurkan untuk menyelesaikan masalah NPL yang kini menghantui usahawan Bumiputera. Ringkasnya, pihak bank akan memberi sedikit potongan, dengan 40 peratus akan ditolak daripada jumlah pinjaman asal yang diambil. Sementara itu, faedah terkumpul dan penalti yang dikenakan bank juga akan dimansuhkan. Kerajaan kemudiannya akan memberi bantuan kewangan sebanyak 30 peratus kepada peminjam untuk membayar hutang mereka manakala baki 30 peratus lagi boleh dilangsaikan dalam satu tempoh tidak melebihi 18 bulan.

Dasar inovatif skim ini patut dipuji. Matlamatnya ialah untuk membantu usahawan Bumiputera yang dibelenggu hutang kesan kejatuhan ekonomi Malaysia akibat serangan spekulatif terhadap mata wang negara pada 1997 dan 1998. Ini kerana, walaupun masalah itu sudah berlalu, bebannya masih tergalas di bahu usahawan sehingga hari ini.

(END)